

04 DEC 2002

Tajol-Datuk Bandar

DATUK BANDAR BARU PERLU KEKALKAN IMEJ IPOH SEBAGAI BANDAR RAYA BERSIH

IPOH, 4 Dis (Bernama) -- Usaha mengekalkan imej Ipoh sebagai bandar raya terbersih di negara ini dan menjadikannya sebuah tempat tarikan pelancong merupakan dua cabaran yang perlu dipikul oleh Datuk Bandar yang baru, Sirajuddin Salleh, kata Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

"Ipoh merupakan bandar raya terbersih di Malaysia pada tahun 60-an. Sekarang Ipoh bersih...untuk kekalkannya merupakan satu cabaran bagi Datuk Bandar," katanya.

Tajol Rosli berkata Sirajuddin menghadapi cabaran untuk mengikis imej Ipoh sebagai sebuah bandar raya yang tidak bermaya tetapi pada masa yang sama, mengekalkan nilai-nilai ketimurannya.

"Beliau nampaknya mempunyai banyak idea untuk membangunkan Ipoh dan pada masa sama meneruskan konsep Bandaraya Maya yang dicetuskan oleh Datuk Bandar sebelumnya," katanya selepas Sirajuddin mengangkat sumpah di hadapan beliau di pejabatnya di sini hari ini.

Sirajuddin, 51, yang sebelum ini menjadi Timbalan Pengarah Unit Pelaksanaan dan Kordinasi (ICU) di Jabatan Perdana Menteri, mengambil alih jawatan itu semalam daripada Datuk Talaat Husain yang dinaikkan pangkat menjadi Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan.

Tajol Rosli berkata beliau yakin Ipoh akan menjadi sebuah pusat tarikan pelancong apabila dua taman rekreasi air di Sunway City, Tambun dan Lahat Mines di sini siap dibina dalam masa satu setengah tahun.

"Masalahnya sekarang, ramai pengunjung ke Ipoh tidak tinggal satu dua malam. Kita harap dengan adanya tarikan baru nanti, lebih ramai pengunjung akan bermalam," katanya.

Katanya pengalaman Sirajuddin di ICU akan membantu tugas beliau di sini, termasuk usaha membangunkan Kampung Manjoi dan mengenal pasti satu industri khas untuk Ipoh selaras dengan konsep satu daerah, satu industri yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sirajuddin yang dilahirkan di Taiping berkata beliau perlu memahami keadaan bandar raya ini dan pentadbirannya terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu perancangan.

"Saya akan bincang dengan Menteri Besar dan anggota pentadbiran Majlis Bandaraya Ipoh sebelum menentukan rancangan yang perlu dilaksanakan," katanya.

-- BERNAMA

AR LAT